

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 14 OKTOBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 24

### Tindakan OPEC jejas harga minyak dunia

## Tindakan OPEC jejas harga minyak dunia

**Harga** minyak mentah susut selepas Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) menurunkan anggaran pertumbuhan minyak global bagi 2022 dan 2023, demikian menurut laporan Xinhua.

The West Texas Intermediate (WTI) untuk penghantaran November susut AS\$2.08 atau 2.3 peratus untuk ditutup kepada AS\$87.27 satu tong di New York Mercantile Exchange.

Minyak mentah Brent untuk penghantaran Disember jatuh AS\$1.84 atau 2.0 peratus kepada AS\$92.45 satu tong di London ICE Futures Exchange.

Dalam laporan bulanan yang dipantau rapi dikeluarkan kelmarin, OPEC mengurangkan anggaran pertumbuhan permintaan global untuk minyak, memetik prospek ekonomi dunia yang semakin tidak menentu.

OPEC meramalkan permintaan minyak tumbuh sebanyak 2.64 juta tong sehari tahun ini, turun sebanyak 460,000 tong sehari daripada unjuran September, demikian menurut laporan itu.

+ Pertumbuhan pada 2023 juga sudah disemak turun.

Peniaga menantikan data berkaitan stok bahan api Amerika Syarikat (AS) selepas Pentadbiran Maklumat Tenaga (EIA) AS bersedia untuk mengumumkan laporan status petroleum minggunya pada Khamis. BERNAMA